

SATU KAJIAN PENGHASILAN SIRI KARTUN  
ANIMASI DUA DIMENSI DI MALAYSIA

BONICA AKANG  
97345787

IJAZAH SARJANA SENILUKIS DAN SENIREKA (GRAFIK)  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
OKTOBER 2001

Satu Kajian Penghasilan Siri Kartun Animasi Dua Dimensi

Di Malaysia

Bonica Akang

97 345 787

Tesis ini dikemukakan kepada Fakulti Senilukis dan Senireka,  
Universiti Teknologi MARA sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan  
Ijazah Sarjana Muda Senilukis dan Senireka.

1. Diperiksa oleh..... Tarikh.....
2. Diperiksa oleh..... Tarikh.....
3. Diperiksa oleh..... Tarikh.....

Dekan

Fakulti Senilukis dan Senireka

Universiti Teknologi MARA

40 450 Shah Alam

Selangor Darul Ehsan

## PERAKUAN PENULIS

Sesungguhnya bagi perkara yang dibuat untuk pertama kali, tentunya banyak peristiwa yang berlaku terutama sekali buat diri saya yang pertama kali menjalankan pencarian maklumat untuk penulisan tesis ini. Banyak kenangan pahit maung dan tidak kurang juga pengalaman manis dan berharga yang dapat dikutip sepanjang perjalanan penyiapan tesis ini.

Agaknya sudah menjadi resam bagi mereka yang baru pertama kali menjalankan kajian yang agak mencabar seperti tesis ini, perasaan gemuruh tidak dapat dielakkan sewaktu hendak melakukan perkara yang baru. Pengalaman itu terjadi kepada saya semasa menjalankan kajian di UAS Animation Sdn. Bhd yang juga merupakan syarikat pertama yang saya kunjungi untuk mendapatkan bahan-bahan untuk tujuan menyiapkan tesis saya. Rasa gemuruh mula menyelubungi diri sehari sebelum menjalankan kajian tersebut walaupun saya telah sedia maklum akan metodologi yang telah saya pilih lebih-lebih lagi apabila berhadapan dengan golongan profesional yang bekerja luar daripada institusi tempat saya bernaung selama ini.

Namun segala-segalanya berjalan lancar dengan kerjasama dan maklum balas yang baik daripada semua pihak daripada syarikat tersebut dan ini menimbulkan keseronokan di dalam diri saya untuk mengorek seberapa banyak maklumat daripada tenaga kerja yang ada di situ.

## SINOPSIS

Tajuk : Satu Kajian Penghasilan Siri Kartun Animasi Dua Dimensi Di Malaysia.

Nama : Bonica Akang – 97 345 787 – Bad 11

Tujuan dan Masalah Penyelidikan : Persoalan yang menjadi pokok utama di dalam kajian ini adalah untuk meninjau sejauh manakah tahap pencapaian animasi di dalam negara kita ini disamping dapat mengetahui bagaimanakah sesuatu siri animasi dapat dihasilkan.

Kesignifikanan : Kajian-kajian seperti ini adalah bahan bersejarah kerana ianya mengandungi catatan-catatan penting untuk rujukan masa kini dan juga pada masa yang akan datang terutamanya kepada pihak yang terlibat dalam industri ini dan tidak ketinggalan juga kepada golongan pelajar.

Metodologi : Dalam menyiapkan kajian ini, prosedur yang digunakan ialah melalui Data Primer iaitu temubual dengan orang-orang tertentu dan melalui soal selidik, Data Sekunder iaitu pembacaan bahan bercetak dan tidak ketinggalan juga bahan-bahan daripada internet.

Hipotesis : Kekurangan tenaga dan minat dalam bidang ini merupakan punca utama animasi negara tidak setanding dengan animasi luar negara.

Kesimpulan : Rumusan yang dapat diberikan di sini ialah, manfaatkanlah segala maklumat dan ilmu yang terkandung dalam kajian ini kerana ianya sedikit sebanyak boleh dijadikan sebagai panduan dalam dunia animasi di Malaysia.